

11 MAY 2000

Mahathir-Reaksi (Wang)

WANITA UMNO SOKONG BANTERAS POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Seruan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada anggota parti khususnya anggota perwakilan supaya menolak pemimpin-pemimpin yang bergelumang dalam politik wang harus disambut secara serius, kata Ketua Pergerakan Wanita yang baru, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Katanya memilih pemimpin yang bersih daripada rasuah adalah penting bagi memelihara imej parti dan mengelakkan daripada kehancuran.

Presiden tiada pilihan kecuali menyebut gejala itu dalam ucapan dasarnya pada perhimpunan kali ini kerana jika salah memilih pemimpin akan membawa kesan kepada perwakilan dan anggota-anggota di peringkat akar umbi, katanya ketika diminta mengulas ucapan presiden yang menekankan tentang keburukan politik wang.

"Jika ada anggota dibiarkan mengamalkan politik wang, ia akan mengecewakan perasaan mereka di luar perhimpunan," katanya.

Beliau juga berkata Umno perlu bebas daripada politik wang dan rasuah bagi menjamin parti itu terus kukuh untuk meneruskan perjuangannya yang belum selesai dan demi kepentingan negara serta agama.

Timbalan ketua perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata Umno perlu mengatur semula parti dan melihat pada dirinya untuk mencari punca kelemahan daripada meletakkan kesalahan pada orang lain.

Kelemahan parti bukan hanya semata-mata berpunca daripada politik wang, oleh itu Umno perlu menilai diri, mengkaji semula cara ia mentadbir parti dan menguruskan Majlis Tertinggi, kata bekas menteri pembangunan luar bandar itu.

Saya rasa Umno memerlukan satu suntikan semangat baru untuk membina semula parti, katanya.

Beliau berkata sesetengah isu yang perlu dikaji oleh parti adalah sama ada Majlis Tertinggi atau biro-bironya menjalankan tugasnya atau sama ada anggota-anggotanya aktif menjalankan tugas parti.

"Perdana Menteri telah menangani pelbagai isu secara amat berkesan tetapi sama ada anggota atau pemimpin parti mempunyai semangat dan tenaga serta keberkesanan yang sama untuk menyampaikan mesej itu, saya fikir adalah lebih penting," katanya.

-- BERNAMA

MK RON